BN berhak tentukan anggotanya: Dr Mahathir

BH 12 DEC 2002

Oleh Wan Esuriyanti Wan Ahmad dan Teh Kean Kiat

PUTRAJAYA, Rabu – Presiden Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, BN memang tidak boleh campur tangan dalam urusan dalaman MCA tetapi BN berkuasa menentukan parti mana yang menjadi anggotanya.

Sambil merujuk kes dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang yang berkecuali ketika BN negeri menolak satu usul pembangkang, Dr Mahathir berkata MCA dilihat sebagai tidak menyokong kepada sistem kerjasama dalam BN.

"Ya memang benar BN tidak boleh campur tangan (dalam tindakan disiplin ahli MCA) tetapi BN berkuasa menentukan parti mana yang boleh menjadi anggota dalam BN.

"Jadi, kalau parti itu tidak sanggup patuh kepada pendirian BN, bermakna parti itu tidak begitu mendukung sistem kerjasama dalam BN," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku *In the Time of the Mishmish*, tulisan Dr Alijah Gordon, di pejabatnya di sini hari ini.

Kelancangan Dr Ling dianggap cabar kuasa BN – Muka 2

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik semalam bahawa BN tidak boleh campur tangan dalam menentukan tindakan disiplin terhadap dua Adun terbabit.

Dr Ling berkata, mengikut Perlembagaan BN, disiplin ahli parti adalah tanggungjawab parti masing-masing kerana keahlian BN adalah mengikut parti dan bukan secara perseorangan.

Sebelum ini, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat dilaporkan berkata mengikut Perlembagaan BN, parti itu mempunyai kuasa mengambil tindakan disiplin terhadap mana-mana ahlinya.

Sabtu lalu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, BN akan membuat keputusan muktamad selepas Lembaga Disiplin MCA memutuskan tindakan ke atas dua Adun terbabit.

Dua Adun berkenaan, Lim Boo Chang (BN-Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (BN-Jawi) enggan mengundi menolak usul pembangkang supaya projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 billion ditangguhkan.

Sebaliknya, kedua-dua Adun terbabit bertindak berkecuali ketika undian usul itu pada hari terakhir Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulai Pinang 21 November lalu.

Sementara itu, Dr Ling hari ini berkata Perlembagaan BN menyatakan bahawa BN hanya boleh

LIHAT MUKA 2

BN perlu kerjasama parti komponen

BH 12 DEC 20

DARI MUKA 1

mengambil tindakan terhadap parti komponen bukannya terhadap individu.

"MCA sudah membuat perkara yang betul mengikut perlembagaannya. Perlembagaan parti menyatakan jika timbul sebarang masalah disiplin, ia perlu dirujuk kepada Lembaga Disiplin.

"Kami ada jawatankuasa lima orang yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman, veteran dan sudah berkhidmat kepada parti sebelum ini.

"Jadi, saya amat positif mereka akan bertindak adil untuk membuat cadangan yang saksama kepada semua pihak selepas siasatan diselesaikan," katanya.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata, BN sebagai sebuah organisasi yang saling bergantung kepada satu sama lain, memerlukan kerjasama daripada semua parti komponennya.

"Kami perlu bekerjasama dan mendengar pendapat satu sama lain kerana itu adalah kekuatan BN. Walaupun tiada peruntukan dalam perlembagaan yang mana BN boleh mengambil tindakan terhadap individu, kami perlu bekerjasama antara satu sama lain," katanya.

Beliau berharap semua pihak tidak akan membuat sebarang spekulasi berhubung hasil siasatan Lembaga Disiplin mengenai kes dua Adun itu.

Beliau juga berharap MCA akan mendapat hasil siasatan kes itu secepat mungkin.

Ditanya sama ada Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Koh Tsu Koon akan dipanggil untuk memberi penjelasan, Dr Ling berkata: "Saya tak nak komen atas apa yang dijalankan oleh Lembaga Disiplin. Itu adalah hak mereka. Sama ada betul atau tidak, itu saya tak mahu komen."